



Jadual Pembacaan Khutbah Jumaat Siri 8/ 2024 (Bulan Ogos 2024)

تاریخ	تاجوق	ب
2 Ogos 2024M/ 27 Muharram 1446H	Childfree: Antara Sinar Iman dan Samar Keyakinan	1.
9 Ogos 2024M/ 4 Safar 1446H	Fardhu Yang Disisihkan	2.
16 Ogos 2024M/ 11 Safar 1446H	Taubat: Jalan Menuju Kejayaan	3.
23 Ogos 2024M/ 18 Safar 1446H	Scam: Beringat Sebelum Kena	4.
30 Ogos 2024M/ 25 Safar 1446H	Kemerdekaan Diperjuang, Tanggungjawab Dipegang	5.
خطبه كدوا		

دبیا یاء ی:



زكاة فولاو فینغ

دتریتکن:



جابتن حال إحوال اگام اسلام فولاو فینغ

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. SS Prof Madya Dr. Mohd Sukki bin Othman
(Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab
(Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





Fardhu Yang Disihkan

9 Ogos 2024M/ 4 Safar 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ
اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١﴾
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Mimbar pada hari Jumaat ini menganjurkan kepada tuan-tuan supaya berusaha mendapatkan sifat takwa kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*, mudah-mudahan kita mendapat perlindungan Allah di alam barzakh dan dijauhkan daripada api neraka. Itulah sebenar-benar kejayaan bagi seorang mukmin.

Sebelum meneruskan bicara, khatib ingin mengingatkan sidang hadirin sekalian, agar memberi fokus dan mendengar dengan sepenuh hati kandungan khutbah Jumaat hari ini. Elakkan diri dari leka bermain gajet, tidur dengan sengaja atau berbual-bual kerana perbuatan-perbuatan



tersebut bertentangan dengan adab mendengar khutbah. Khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk: “**Fardhu Yang Disisihkan.**”

SIDANG JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Khatib ingin mengajak jemaah sekalian untuk memerhatikan sikap sebahagian saudara-saudara kita sekarang. Sementara kita di sini berusaha untuk melunaskan tanggungjawab fardhu ain dengan mendengar khutbah dan menyempurnakan solat Jumaat, di manakah sebahagian sahabat dan anak-anak kita yang lain?

Khatib kira sidang jemaah sekalian juga menyedari, ada segelintir dalam kalangan kita ketika ini masih berada di tempat kerja, di pasar raya, di atas jalan raya, ke hulu dan ke hilir entah ke mana. Malah, ada yang hanya duduk bersantai di rumah, tidak keluar menunaikan kewajipan Jumaat.

Masalah ini tampak lebih menular sejak wabak *Covid-19* melanda. Gugurnya kewajipan menunaikan solat Jumaat ketika wabak dahulu, seolah-olah terus diguna pakai oleh mereka sedangkan gugur kewajipan menunaikan solat Jumaat pada ketika itu adalah berdasarkan sebab-sebab yang syarie (شَّرْعِي). Tanpa sedikitpun rasa bersalah dan malu, mereka ini boleh berada di pusat-pusat membeli belah, makan di restoran dan memandu kenderaan ke mana sahaja. Ada yang hanya lalu di hadapan masjid ketika waktu solat Jumaat ini tanpa ada niat untuk berhenti sekejap bagi menunaikan hak Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

SAUDARAKU SEKALIAN,



Dalam surah yang khusus yakni surah al-Jumuah ayat 9. yang dibacakan di awal khutbah tadi menyebutkan:

Maksudnya: *“Wahai orang yang beriman, apabila kamu diserukan azan untuk mendirikan solat pada hari Jumaat, maka bersegeralah kamu (ke masjid) mengingati Allah (dengan mendirikan solat Jumaat) dan tinggalkanlah berjual beli (pada ketika itu)! Hal itu lebih baik bagimu jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenar).”*

Dalam Kitab Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah (الموسوعة الفقهية) telah menjadi ijmak dalam kalangan ulamak bahawa wajib seorang lelaki Muslim yang mukallaf dan bermukim di sesuatu tempat serta tidak ada keuzuran yang syarie menunaikan solat Jumaat secara berjemaah di masjid-masjid yang telah diberikan kebenaran oleh pihak berwajib yang menjaga agama.

Dalam sebuah hadis, Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ menyebutkan dengan jelas:

الْجُمُعَةُ حَقٌّ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ فِي جَمَاعَةٍ إِلَّا أَرْبَعَةً عَبْدٌ مَمْلُوكٌ أَوْ امْرَأَةٌ
أَوْ صَبِيٌّ أَوْ مَرِيضٌ

Maksudnya: *“Solat Jumaat merupakan satu hak kewajipan ke atas setiap orang muslim untuk mendirikan secara berjemaah, kecuali hamba yang dimiliki oleh tuannya, perempuan, kanak-kanak dan orang yang sakit.”*

﴿Hadis Riwayat Abu Daud﴾

Saudaraku sekalian, ketahuilah bahawa solat Jumaat merupakan khususiyat (خُصُوصِيَّات) yakni satu keistimewaan bagi umat Nabi



Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. Ibadah yang kita dirikan secara berjemaah ini mempunyai fadhilat yang amat besar. Antara yang paling utama adalah diampunkan dosa kita pada minggu tersebut. Abu Hurairah رَضِيَ اللهُ عَنْهُ ada melaporkan satu hadis, bahawa Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda:

الصَّلَوَاتُ الْخَمْسُ، وَالْجُمُعَةُ إِلَى الْجُمُعَةِ، وَرَمَضَانَ إِلَى رَمَضَانَ،
مُكْفَرَاتٌ مَا بَيْنَهُنَّ إِذَا اجْتَنَبَ الْكَبَائِرَ

Maksudnya: “Solat fardhu lima waktu, (sembahyang) Jumaat hingga ke Jumaat (seterusnya), Ramadhan hingga Ramadhan (seterusnya) adalah semuanya ini penebus dosa di antara keduanya selama mana tidak dilakukan dosa-dosa besar. ﴿Hadis Riwayat Muslim﴾

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI OLEH ALLAH,

Dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996 Seksyen 14 menyatakan:

“Mana-mana orang lelaki, yang baligh, yang tidak menunaikan sembahyang Jumaat di masjid di dalam qaryahnya tiga kali berturut-turut tanpa uzur syarie atau tanpa sebab yang munasabah, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.”

Berdasarkan apa yang khatib bicarakan tadi, maka jelaslah bahawa ketidakakuran seseorang untuk hadir menunaikan solat Jumaat adalah satu



perbuatan dosa kepada Allah, malahan menjadi satu kesalahan dalam undang-undang. Oleh yang demikian, fahamlah kita bahawa tanggungjawab menunaikan kefardhuan ini melibatkan banyak pihak dan pelbagai elemen. Sudah tentu ia memberi kesan yang buruk kepada diri sendiri, agama Islam, jawatankuasa qaryah, pegawai-pegawai masjid, Jabatan Agama dan sebagainya.

Sedarlah wahai saudara-saudaraku, bahawa solat Jumaat adalah syiar bagi agama Islam yang kita anuti ini. Solat Jumaat juga merupakan simbol kesatuan dan manifestasi keilmuan dalam Islam yang syumul ini. Bayangkan betapa tinggi Islam ini dipandang dengan komitmen penganutnya terhadap kewajipan agama. Malahan agama ini turut dipandang tinggi sesuai dengan fitrahnya yang tinggi apabila umatnya memperlihatkan kesatuan mereka di masjid-masjid saban minggu mendengar khutbah dan mendirikan solat secara berjemaah.

SIDANG JEMAAH SEKALIAN,

Khatib mengajak sidang jemaah untuk meneliti intipati mimbar pada hari ini:

Pertama: Jika kita mempunyai anak-anak lelaki yang sudah berumur 7 tahun dan ke atas, maka digalakkan untuk membawa dan menyuruh mereka hadir ke masjid untuk menunaikan solat fardhu Jumaat. Sementara anak-anak remaja lelaki yang sudah baligh adalah diwajibkan.

Kedua: Sudah sampai masanya ketua keluarga dan jawatankuasa qaryah mengingatkan kembali kewajipan menghadiri solat Jumaat kepada semua ahli qaryah seperti mana yang dilakukan oleh imam-imam terdahulu dari



kita. Justeru, hebahkan tentang kewajipan menunaikan solat fardhu Jumaat ini melalui kumpulan-kumpulan *Whatsapp*, *Facebook* dan apa sahaja medium terkini.

Ketiga: Khatib menyeru kepada sidang jemaah sekalian yang mempunyai kedudukan dalam sesebuah institusi pekerjaan sama ada sebagai ketua-ketua jabatan, penyelia dan seumpamanya. Berikan ruang masa untuk mengingatkan kepada pekerja untuk menunaikan solat fardhu Jumaat. Khatib ingin menegaskan bahawa membenarkan pekerja-pekerja di bawah tanggungjawab kita menunaikan fardhu Jumaat adalah wajib.

Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 21:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٢١﴾

Maksudnya: *“Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertakwa.”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهِدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، أَقُولُ
مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ، فَاسْتَغْفِرُوهُ،
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





Khutbah Kedua

2024M/ 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ أَلْيِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعَظِيمًا لِسَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبِّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

﴿الأحزاب: 56﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدِ بْنِ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.



اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُؤَسَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ،

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ
وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri
Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang
dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Khadijah Mohd Noor.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالرَّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ
عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha
Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang
istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat
melalui Zakat Pulau Pinang dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf
Pulau Pinang.*

*Ya Allah! Jadikanlah kerja-kerja agihan zakat di Pulau Pinang ini
sebagai suatu usaha yang berkesan bagi membela golongan asnaf
sasaran. Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian,
serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam*



Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٥٢﴾

